

KHUTBAH TELAH DISEMUKAN

TARIKH DISEMUKAN: 15.12.2020

PEGAWAI PENYEMUKAN: M. J.



KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA: 23/12/2020

DI BACA PADA: 25/12/2020

DILULUSKAN OLEH:

BAHARUDIN
Ketua Penolong Pegawai
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

MOHD. ZAKARIAH BINTI AZHAR
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

10 JAMADILAYWAL 1442H/ 25 DISEMBER 2020

LIMA AMALAN PENAWAR HATI

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **tidak disediakan atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya cukup dan sempurna segala rukun, baris dan disampaikan dengan lancar.
- Hanya khatib yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) sahaja yang dibenarkan menyampaikan Khutbah Jumaat.
- Khutbah hendaklah disampaikan berdasarkan tarikh yang telah dicetak pada khutbah
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun-rukun dan kesilapan ejaan dan sebagainya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit
- Sebaik-baiknya khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ آتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SEKELIAN,

Saya berpesan buat diri saya dan sidang jemaah sekalian, agar, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhanNya, dan menjauhi segala laranganNya. Semoga kita semua beroleh keberkatan hidup di dunia ini dan kebahagiaan abadi di Akhirat kelak.

MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Sesungguhnya Allah SWT telah menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan lagi mulia di sisiNya. Manusia diciptakan dengan sejujur jasad, yang dengannya segala keperluan duniawinya seperti makan, minum, mencari nafkah, meneruskan zuriat keturunan, mampu dilaksanakan dengan sebaiknya. Tidak sekadar itu, Allah SWT juga menciptakan hati di dalam diri manusia, yang dengannya manusia mampu berfikir dan berakal, meneroka dunia serta mengabdikan diri kepada Allah SWT.

Tanpa hati dan akal, sudah tentulah manusia itu tiada bezanya dengan haiwan-haiwan lain, hanya sekadar makan minum dan beranak. Akan tetapi, manusia istimewa di sisi Allah dengan hati dan akalnya, dengannya dia menggalas tanggungjawab tauhid: beribadat mengesakan Allah SWT, dan beribadat dengan memakmurkan dunia.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Sepertimana jasad merupakan pinjaman Ilahi yang mesti dipelihara, begitulah juga hati ini. Sekiranya tidak dikawal daripada hawa nafsu yang jahat, ia akan rosak, dan akan menjerumuskan kita ke neraka Jahannam, naudzubillah.

Sesungguhnya hati yang baik, akan menghasilkan amalan yang baik. Hati yang baik ialah hati yang tahu akan tanggungjawabnya sebagai hamba Allah, dan tahu bahawa Allah sedang memerhatikannya. Hati yang baik ialah hati yang ringan melakukan amal kebaikan. Lidahnya menuturkan kata-kata yang baik, tidak berbohong apatah lagi berkata-kata yang kesat. Tangan dan kakinya ringan dalam melakukan amal soleh dan saling membantu sesama insan. Pandangan matanya dijaga. Malaikat Rakib dan Atid mencatat amal baiknya, yang akan dibentangkan kelak di hadapan Allah. Justeru, penting bagi kita memahami urusan hati ini, dan bermujahadah untuk memperbaikinya.

KAUM MUSLIMIN SIDANG JUMAAT YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Antara ulama yang telah berbincara persoalan mengenai mujahadah merawat dan memperbaiki hati ialah Sunan Bonang rahimahullah, salah seorang daripada Wali Songo. Beliau meninggalkan nasihatnya dalam bentuk kata-kata yang mudah dihafal dan difahami, di dalam bait syairnya 'Tombo Ati', atau diterjemahkan sebagai 'Penawar Hati'. Kesemua nasihat ini mengambil pedoman daripada al-Quran dan Sunnah.

Nasihat pertama daripada 'Tombo Ati' itu ialah : **Bacalah al-Quran dan fahamilah maknanya.**

Membaca al-Quran menghidupkan hati sekiranya dihayati dalam kehidupan seharian. Allah SWT berfirman menegur mereka yang tidak menghayati al-Quran:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ أَلْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ﴿٢٤﴾

Mafhumnya: "(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?" (Surah Muhammad, ayat 24)

Daripada ayat ini, Allah SWT bukan setakat menegur mereka yang tidak menghayati al-Quran, akan tetapi sekaligus mengajarkan kita cara untuk membuka penutup hati, dan merawat hati yang rosak

MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Nasihat kedua daripada 'Tombo Ati' itu ialah: **Laksanakanlah Tahajjud.**

Tahajjud merupakan antara amalan yang paling disukai Allah SWT. Ia juga berfaedah untuk mengukuhkan hati, memberikan ketenangan dan kelapangan fikiran. Allah SWT berfirman dalam surah al-Isra' ayat 79:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

Mafhumnya: "Dan bangunlah pada sebahagian dari waktu malam serta kerjakanlah "sembahyang tahajjud" padanya, sebagai sembahyang tambahan bagimu; semoga Tuhanmu membangkit dan menempatkanmu pada hari akhirat di tempat yang terpuji."

Nasihat ketiga daripada 'Tombo Ati' itu: **Banyakkan berzikir di waktu akhir malam yakni waktu sahur.**

Allah SWT amat mencintai amalan berzikir, dan akan mengurniakan ketenangan jiwa bagi mereka yang berzikir mengingatiNya. Allah SWT juga telah mengajarkan kita akan waktu yang terbaik untuk berzikir itu di mana Allah menyifatkan amalan-amalan orang yang beriman menerusi firmanNya:

كَانُوا قَلِيلًا مِّنَ اللَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿١٧﴾ وَيَالِأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: "Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: masa dari waktu malam, untuk mereka tidur. Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun)." (Adz-Dzaariyaat, ayat 17-18)

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

Nasihat keempat daripada 'Tombo Ati' itu ialah: **Banyakkan berpuasa.**

Sesungguhnya amalan berpuasa memiliki faedah yang hebat dalam memperbaiki rohani dan jasmani seorang Muslim. Faedah puasa bagi jasmani Muslim ialah, ia memberikan peluang untuk badan kita berehat daripada menghadam makanan, dan memberi peluang untuk badan kita memproses dan membuang segala sisa toksik yang berkeladak di dalamnya.

Faedah rohani bagi puasa tentunya lebih hebat. Ia merupakan latihan bagi kita untuk mengawal hawa nafsu, dengan mematuhi segala pantang-larang dalam berpuasa. Di samping tidak makan dan minum, kita juga diperintahkan untuk mengawal pandangan dan kata-kata sepanjang tempoh berpuasa. Puasa juga merupakan senjata kita melawan syaitan. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ ابْنِ آدَمَ مَجْرَى الدَّمِ

Maksudnya: "Sesungguhnya syaitan berjalan di dalam badan anak Adam melalui saluran darah." (HR Bukhari & Muslim)

Para ulama mentafsirkan hadis ini bahawa berpuasa akan menyempitkan saluran darah buat syaitan, dan menghalangnya sampai ke dalam hati muslim, serta mematahkan serangan dan hasutannya kepada muslim

Sidang hadirin yang dirahmati,

Nasihat kelima dan terakhir daripada 'Tombo Ati' itu ialah: **Bergaul dengan orang-orang soleh.**

Sesungguhnya teman kita adalah cerminan kita, dan yang akan memberi pengaruh kepada kita. Sekiranya kita ingin menjadi orang soleh dan baik-baik, maka pilihlah sahabat yang baik-baik juga, dan yang menjaga agamanya sesuai dengan nasihat Rasulullah SAW dan pesanan para alim ulama.

بَارِكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ

مِنِّْيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ

وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ. □

□

□

□

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى
آلِ إِبْرَاهِيمَ.

آمين آمين يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِهِمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ وَأَنْ تَشْمَلَ
بِعَنَائِكَ إِلَى فِخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْتَرَوْتَامِ يَغْدَفَرْتَوَانِ نَكْرِي سَابِهِ. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ

الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ،
مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا
نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit berbahaya khususnya Covid-19.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

❁ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَسَلِّئُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.
Tel: 088-522127 @ 088-522142